

KENYATAAN AKHBAR

SUBJEK	<p>Mini Film Festival UNIMAS yang ke-18 x Mini Arts Festival akan berlangsung di Saradise Edge Minggu Ini!</p> <p>KOTA SAMARAHAN 12 Julai 2022</p> <p>Dianjurkan oleh festival filem pendek terlama di Malaysia, Mini Film Festival yang ke-18 ini akan menggabungkan seni lain dalam barisan acara yang lebih besar dan menarik tahun iniyang dinamakan sebagai <i>Mini Film Festival x Mini Arts Festival</i>.</p> <p>Tumpuan utama pada tahun ini adalah pada 18 buah hasil seni baru yang dicipta oleh artis Sarawak yang dibawakan dari seluruh Sarawak - dari Samarahan dan Kuching sehingga ke Mukah dan Miri - yang akan dipamerkan bersama acara lain yang telah disusun dengan rapi seperti persembahan muzik, jualan barang seni dan kraf, demo seni, bengkel seni dan tayangan filem serta sesi soal jawab bersama artis, pembuat filem dan juri.</p>
	

Pameran Seni bertemakan “Kebangkitan Semula”

Melihat kepada impak pandemik yang telah melanda komuniti seni dan filem, pengajur festival telah memutuskan untuk mengadakan acara festival yang selaras dengan tema “Kebangkitan Semula (Revival)” tahun ini. Tema ini amat tepat dengan masanya dengan harapan dapat menyebarkan semangat positif kepada peserta, artis serta komuniti pembuat filem di Sarawak, negeri dan negara lain.

Antara 18 karya seni yang akan dipamerkan secara terbuka bertempat di Saradise Edge bermula dari 14 Julai ialah merupakan lukisan Lilly Metom yang bertajuk “Endurance” yang akan memukau penontonnya dengan visual semangat kuat seorang pemuda Iban, memakai kostum tradisionalnya pastinya akan menaikkan semangat yang positif kepada pengunjung festival.

Sebagai seorang artis yang belajar sendiri, Lilly Metom ingin menyampaikan mesej bahawa “Dalam kesukaran, kami bertahan! Dalam masa mala petaka, kami tabah!”, semangat juang yang telah ditemuinya dan disampaikan melalui karya barunya iaitu “Endurance”.

Sementara itu, arca 3D Awangko’ Hamdan dan Doris Maying “Usog Ram Series” yang membentangkan tentang rasa kesayangan terhadap sesuatu tempat dengan menggunakan *Stenochlaena palustris* (dikenali sebagai pucuk midin dalam bahasa Melayu tempatan) dengan ekspresi individu mereka yang sangat unik.

Demo Seni dan Persembahan Muzik dari Artis Borneo

Selain pameran, festival ini juga menyediakan acara menarik seperti demo seni pada Ahad (17 Julai, 11 pagi, Saradise Edge) di mana empat artis tempatan akan mempersembahkan bakat dalam mencipta seni, secara langsung di depan mata penonton yang menghadiri demo seni ini.

Empat pelukis tersebut diketuai oleh seorang artis yang berpengalaman, Encik Sylvester Wielding Anak Jussem, juga penasihat seni festival tersebut akan menunjukkan proses penciptaan karya seni mereka dari awal sehingga selesainya hasil seni mereka, dipersembahkan dalam bentuk lukisan, arca (seramik) dan lakaran.

Sementara peserta festival akan dipersembahkan dengan pelbagai acara berkaitan seni, pada waktu petang bermula dari jam 5 - 7 malam setiap hari, persembahan muzik yang mempersembahkan artis Borneo seperti Pinanak Sentah (*band* remaja Bidayuh tempatan), Alia Tenor, JayC Ho dan Reening Lau akan membuat persembahan secara langsung di Saradise Stage, iaitu kawasan persembahan terbuka secara percuma kepada penonton yang menghadirkan diri ke festival berkenaan.

Lebih Daripada 70 Filem Asia Tenggara Ditemukan dengan Penonton Tempatan

Pada terasnya, Mini Film Festival sedang berusaha untuk menyediakan program-program filem pendek yang menarik yang dihasilkan melalui kerjasama dengan rakan-rakan serantau seperti S-Express yang mempamerkan filem pendek dari sekitar Asia Tenggara.

Usaha ini adalah sebahagian daripada hasil kerjasama dengan rangkaian festival filem serantau seperti Ganffest (Indonesia), Thai Short Film and Video Festival (Thailand), Kuala Lumpur Eco Film Fest (Filem Pendek bertemakan alam sekitar dari Amerika Syarikat dan Rusia), SeaShorts Film Festival (filem pendek dari sekitar Asia Tenggara).

Selain daripada filem pendek, terdapat dua filem cereka yang ditunjukkan untuk kali pertama di Sarawak, iaitu “Mentega Terbang” oleh Khairi Anwar dan “Sometime, sometime” oleh Jacky Yeap. En. Khairi adalah juri dan fasilitator untuk festival, sementara En. Jacky merupakan alumni program Sinematografi, UNIMAS.

Sebahagian besar acara berkaitan seni akan berlangsung di Saradise Edge, manakala acara tayangan dan tontonan filem bersama pembikin filem dan penonton akan dianjurkan di Taka Patisserie (Saradise), dari 14 - 17 Julai.

Bengkel Mengenai Pelbagai Subjek

Sekiranya keseronokan adalah perkara yang dinanti-nantikan oleh kebanyakan orang semasa festival, pengajur tidak pernah melepaskan keinginannya untuk menghasilkan bengkel yang menggalakkan

perkongsian ilmu pengetahuan di kalangan peserta bagi festival ini.

Bermula dari topik semasa seperti NFT dan proses penerbitan kandungan kreatif, lakonan untuk pelakon bukan professional dan cara menulis cerita/skrip, serta bengkel tanah liat dan lukisan asas, peserta yang berdaftar untuk menghadiri bengkel akan menemui fasilitator mereka yang telah membina kerjaya mereka untuk jangka masa yang lama.



Begitu Banyak yang Ditawarkan dalam Satu Festival

“Terdapat begitu banyak yang ingin kami tawarkan kepada komuniti tempatan di Sarawak,” kata Yow, pengarah festival yang telah mengarahkan festival itu selama lebih dari 8 tahun. “Kami bekerja keras dan bekerjasama dengan semua pihak untuk memastikan semua ini terjadi”, tambahnya lagi.

Festival ini adalah hasil kerjasama dan disokong oleh Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak, Majlis Seni Sarawak (MSS), Yayasan Sarawak, Saradise Gallery, Saradise Feast, TVS, Dayak Daily, Engage Media, PORT, Quickcons, LY Enterprise, dan Perseni.

Festival ini akan berlangsung dari 14 - 17 Julai di Saradise Edge, Kuching. Peserta yang berminat digalakkan untuk melayari halaman festival di <https://bit.ly/18thMFF> untuk maklumat lanjut mengenai jadual, pas dan

pendaftaran bengkel festival. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pei Pei, penyelaras festival di 011 - 1242 4309.